

UMNO perlu pelapis teruskan perjuangan

UM-16/7/2007

Oleh AZMAN IBRAHIM

SUBANG JAYA 15 Julai - Perjuangan UMNO dalam membe-
la nasib orang Melayu sejak lebih 60
tahun lalu perlu diteruskan oleh
anggota parti daripada kalangan ge-
nerasi muda walaupun sehingga 50
tahun akan datang.

Ketua Penerangan UMNO, Tan
Sri Muhammad Muhd. Taib berka-
ta, sehubungan itu, golongan pelapis
perlu berbincang sesama sendiri ba-
gi mengenal pasti bidang yang perlu
diberi tumpuan untuk memacu ke-
jayaan bangsa pada masa depan.

"Pemimpin UMNO yang terdahulu
telah menjaga UMNO sejak ditubuh-
kan 61 tahun lepas dan sejak itu
UMNO telah mencapai kejayaan yang
menakjubkan dalam mewujudkan
peluang, kemudahan dan kepakaran
kepada orang Melayu," katanya.

Beliau berucap merasmikan per-
sidangan perwakilan Wanita UM-
NO Bahagian Kelana Jaya di sini
hari ini.

Muhammad menjelaskan, dalam
hubungan ini tiada sebab bagi orang

**UMNO merupakan parti yang segar
dan sentiasa mempunyai idea yang
banyak, malah memberi
kebahagiaan kepada rakyat**

**MUHAMMAD
MUHD. TAIB**
Ketua Penerangan
UMNO

Melayu untuk menyokong pembang-
kang yang hanya memperjuangkan
personaliti tertentu.

"Bila personaliti yang diperjuang-
kan itu tidak membawa kemajuan,
mereka bertindak keluar parti pula.

"UMNO merupakan parti yang
segar dan sentiasa mempunyai idea
yang banyak, malah memberi keba-
hagiaan kepada rakyat," katanya.

Beliau juga menegaskan, sema-
ngat ahli UMNO sudah meningkat
ketika ini malah mereka juga berse-
dia untuk menghadapi pilihan raya
umum bila-bila masa.

"Kita membuat persiapan awal
bagi memastikan kemenangan sen-
tiasa memihak kepada UMNO.

"Minda ahli-ahli UMNO juga di-
latih supaya bersedia menghadapi
parti pembangkang yang sentiasa
mencari kelemahan," ujarinya.



MUHAMMAD MUHD. TAIB